

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 7.4.2015

SOALAN :

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Projek Pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan Simpang Ampat, Sitiawan dalam Parlimen Lumut akan dimulakan dan bilakah tarikh dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan menyediakan akses pendidikan yang baik kepada semua murid. Sehubungan itu, Kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan Simpang Ampat, Sitiawan bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.